

Daripada	: Ketua Jabatan Pengurusan & Pembangunan Pelajar		
Kepada	: Semua Penghuni Kolej Kediaman PSIS		
Salinan Kepada	: Pengarah, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, JPPPel, Pengurus Asrama, Warden, Pengawal Keselamatan		
Rujukan Kami PSIS/600-2/10(31)	Tarikh 30/1/2019	Rujukan Tuan	Tarikh

Tuan/Puan,

NOTIS PENGOSONGAN BILIK SEMENA CUTI PERTENGAHAN SEMESTER OLEH PENGHUNI KOLEJ KEDIAMAN PSIS

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Tarikh pengosongan bilik adalah bermula pada **2 Februari 2019 sehingga 10 Februari 2019**. Walau bagaimanapun, pelajar dibenarkan untuk kembali semula pada 10 Februari 2019 (Ahad).

3. Namun begitu, bagi penghuni yang terlibat dengan sebarang aktiviti atau program rasmi di politeknik, anda perlulah mengemukakan memo dan senarai nama kepada Ketua Jabatan Pengurusan dan Pembangunan Pelajar (JPPPel) yang ditandatangani oleh Ketua Jabatan atau Penasihat Program masing-masing.

4. Sehubungan itu, kegagalan pelajar untuk mematuhi arahan ini dianggap ingkar arahan dan boleh dikenakan hukuman **GANTUNG KOLEJ KEDIAMAN**.

"Penghuni hendaklah mengosongkan biliknya apabila diarahkan, pada masa yang telah ditetapkan oleh pihak Pengarah atau wakil kuasanya" [14.4.1- BUKU PANDUAN DAN PERATURAN AM, PSIS]

5. Perhatian dan tindakan daripada semua penghuni adalah sangat diharapkan agar keselamatan dan kebajikan terpelihara.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjelankan amanah,

(HJ. CHE SAMSURIZA BIN HJ. CHE NOH)

Samb.: 6258

Email : samsuriza@psis.edu.my